



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

(8) dlm. KKM-114/109

25 September 2004

Semua Pengarah Kesihatan Negeri,  
.....

Semua Pengarah Yayasan  
.....

Semua Pengarah Hospital,  
.....

Semua Dekan,  
Fakulti Perubatan,  
Universiti .....

Y. Bhg. Tan Sri/Dato/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 12/04:**  
**KELONGGARAN KHIDMAT WAJIB BAGI MENGGALAKKAN**  
**WARGANEGARA MALAYSIA PULANG**

**1. TUJUAN:**

- 1.1. Surat Pekeliling ini bertujuan memberi kelonggaran kepada tenaga professional perubatan yang berkhidmat diluar negara sebagai insentif untuk kembali ke Malaysia di bawah 'Program Menggalakkan Warganegara Malaysia Yang Berkepakaran Di Luar Negara Pulang Ke Malaysia' didalam melaksanakan perkhidmatan wajib menurut Akta Perubatan 1971;

**2. LATARBELAKANG:**

- 2.1. Perkhidmatan wajib bermula sejak tahun 1971 dengan kuatkuasanya Akta Perubatan 1971;

## SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN

- 2.2. Perkhidmatan wajib diwujudkan bertujuan:
  - 2.2.1. untuk mengatasi masalah kekurangan pegawai perubatan didalam sektor awam, lain-lain sektor yang kritikal;
  - 2.2.2. memastikan pengagihan pegawai perubatan meliputi perkhidmatan seluruh negara.
  
- 2.3. Menurut Akta tersebut, 'perkhidmatan wajib' adalah pelaksanaan tugas:
  - 2.3.1. diwajibkan kepada semua pengamal perubatan sebaik sahaja diberikan pendaftaran penuh;
  - 2.3.2. selama tempoh tidak kurang dari tiga tahun;
  - 2.3.3. secara berterusan;
  - 2.3.4. didalam perkhidmatan awam; dan
  - 2.3.5. berdasarkan budibicara Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia;
  
- 2.4. Menurut Akta tersebut juga, adalah menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana pengamal perubatan yang diberikan pendaftaran penuh tetapi tidak melaksanakannya melainkan kelonggaran yang dipersetujui oleh YB Menteri Kesihatan;
  
- 2.5. Pada 12 Mac 1997, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan mengenai pemberian kelonggaran atau pengecualian khidmat wajib kepada pakar dan pegawai perubatan warganegara Malaysia yang ingin kembali berkhidmat di negara ini;
  
- 2.6. Sebagai mematuhi keputusan tersebut, suatu makluman telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. -/98 bertajuk bertajuk 'Garis panduan Memberi Kelonggaran Syarat Khidmat Wajib Kepada Pakar Perubatan dan Pegawai Perubatan Warganegara Malaysia Yang Ingin Kembali Berkhidmat di Negara ini'.
  
- 2.7. Didalam insentif tersebut, pengamal perubatan diberi kelonggaran khidmat wajibnya berdasarkan umur, kemahiran dan pengalaman yang dimilikinya;

**3. KELAYAKAN DAN SYARAT KELONGGARAN:**

- 3.1. Jemaah Menteri yang bermesyuarat pada 1 September 2004 telah bersetuju agar Kelonggaran Khidmat Wajib dikaji semula;
- 3.2. YB Menteri Kesihatan telah bersetuju menggunakan peruntukkan kuasa beliau dibawah Akta Perubatan 1971 untuk memberi kelonggaran didalam melengkapkan khidmat wajib kepada pakar dan pegawai perubatan warganegara Malaysia yang ingin kembali berkhidmat di negara ini yang memenuhi kriteria berikut sahaja:
  - 3.2.1. Telah berumur 45 tahun dan keatas tidak kira samada mempunyai kepakaran atau tidak; atau
  - 3.2.2. Telah mempunyai jenis kepakaran tertentu yang berkurangan di Malaysia yang ditentukan oleh Jawatankuasa Kelonggaran Khidmat Wajib sahaja; atau
  - 3.2.3. Untuk berkhidmat dengan universiti-universiti awam atau swasta tempatan atau hospital tentera dengan syarat berkhidmat dengan institusi itu selama tidak kurang dari tempoh TIGA tahun secara berterusan;

**4. TATACARA PENGENDALIAN PERMOHONAN:**

- 4.1. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang Kelonggaran Khidmat Wajib seperti di Lampiran A;
- 4.2. Permohonan hendaklah dihantar terus kepada Majlis Perubatan Malaysia;
- 4.3. Setiausaha Majlis Perubatan Malaysia adalah bertanggung-jawab untuk mengemukakan mana-mana permohonan yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dan layak menikmati kelonggaran ini kepada Jawatankuasa Kelonggaran Khidmat Wajib untuk pertimbangan;
- 4.4. Jawatankuasa Kelonggaran Khidmat Wajib dipertanggung-jawabkan melaksanakan tugas berdasarkan terma rujukan seperti berikut:
  - 4.4.1. Meneliti dan mengkaji semua permohonan kelonggaran khidmat wajib dari warganegara Malaysia yang ingin kembali berkhidmat yang dikemukakan oleh Majlis Perubatan Malaysia;
  - 4.4.2. Menentukan jenis kepakaran tertentu yang berkurangan di Malaysia untuk

## SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN

diberikan kelonggaran kepada mana-mana permohonan yang memenuhi kriteria dibawah skim kelonggaran khidmat wajib; dan

- 4.4.3. Mengesyorkan kelonggaran khidmat wajib dari pemohon yang layak kepada YB Menteri Kesihatan.
  
- 4.5. Struktur Jawatankuasa Kelonggaran Khidmat Wajib adalah seperti berikut:
  - 4.5.1. **Pengerusi** : **Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan),**
  - 4.5.2. **Setiausaha** : **Setiausaha, Majlis Perubatan Malaysia,**
  - 4.5.3. **Ahli** : **Pengarah Perkembangan Perubatan;  
Pengarah Amalan Perubatan; dan  
Setiausaha Bahagian (Sumber Manusia).**
  
- 4.6. Korum Jawatankuasa ini ialah tiga orang.
  
- 4.7. Jawatankuasa ini akan bersidang bila perlu.

## 5. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA:

- 5.1. Pelaksanaan Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta.
  
- 5.2. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 3/98 bertajuk 'Garis panduan Memberi Kelonggaran Syarat Khidmat Wajib Kepada Pakar Perubatan dan Pegawai Perubatan Warganegara Malaysia Yang Ingin Kembali Berkhidmat di Negara ini' dibatalkan berkuatkuasa serta merta.

## 6. PERTANYAAN:

- 6.1. Sila rujuk sebarang pertanyaan mengenai Surat Pekeliling ini kepada:

Setiausaha,  
Majlis Perubatan Malaysia,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Tingkat 3, Blok D,  
Jalan Cenderasari,  
50590 KUALA LUMPUR.

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN**

No. Tel : 03 2694 7920 (Talian Terus)  
03 2698 5077 samb. 417  
No. Fax : 03 2693 8569  
E-mail : [mmckkm@yahoo.com](mailto:mmckkm@yahoo.com)

Sekian. Terima kasih.

**‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’**

Yang Ikhlas,



**(TAN SRI DATU (DR.) HJ MOHAMAD TAHA BIN ARIF)**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia,  
Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tarikh: **25 September 2004.**

s.k. YB Menteri Kesihatan,  
YB Timbalan Menteri Kesihatan,  
YB Setiausaha Parlimen,  
Ketua Setiausaha,  
Penasihat Undang-undang,  
Pegawai Kanan Perhubungan Awam

**LAMPIRAN A-BORANG PERMOHONAN KELONGGARAN KHIDMAT WAJIB**

**PERHATIAN:**

1. Borang ini hendaklah diisi dan dihantar bersama-sama dengan Borang 9 – Borang Permohonan Perakuan Pendaftaran Penuh yang dikeluarkan oleh Majlis Perubatan Malaysia; dan
2. Sila isi bahagian A sahaja.

**A. UNTUK DIISI OLEH PEMOHON:**

1. Nama: \_\_\_\_\_

2. No. Kad Pengenalan:

3. Umur : \_\_\_\_\_ tahun.

4. Kelayakan:

4.1. Ijazah Asas Perubatan:

4.1.1. Nama Ijazah : \_\_\_\_\_

4.1.2. Institusi/Universiti : \_\_\_\_\_

4.1.3. Tahun : \_\_\_\_\_

4.2. Ijazah Pakar:

4.2.1. Nama Ijazah : \_\_\_\_\_

4.2.2. Institusi/Universiti : \_\_\_\_\_

4.2.3. Jenis Kepakaran : \_\_\_\_\_

4.2.4. Tahun : \_\_\_\_\_

5. Pengalaman:

Bil.	Jawatan	Tempat	Tarikh dan (Tempoh)

**Tandatangan Pemohon** : \_\_\_\_\_

**Nama** : \_\_\_\_\_

**Tarikh** : \_\_\_\_/\_\_\_\_/\_\_\_\_.

**B. UNTUK KEGUNAAN PEJABAT:**

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN**

6. Keputusan Jawatankuasa Kelonggaran Khidmat Wajib:

6.1. **Permohonan kelonggaran khidmat wajib DILULUSKAN kerana:**

a. Pemohon telah berumur 45 tahun dan keatas

b. Mempunyai jenis kepakaran yang berkurangan di Malaysia  
(Jenis kepakaran: \_\_\_\_\_)

c. Untuk berkhidmat dengan universiti-universiti awam dan swasta  
tempatan atau hospital tentera bagi tempoh tidak kurang dari tiga tahun

6.2. **Permohonan kelonggaran khidmat wajib TIDAK DILULUSKAN**

**kerana:** \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**Tandatangan Pengerusi :** \_\_\_\_\_

**Nama :** \_\_\_\_\_

**Tarikh :** \_\_\_\_/\_\_\_\_/\_\_\_\_.